



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**AMARAN KEPADA ORANG AWAM MENGENAI PRODUK TIDAK
BERDAFTAR 'HW BEAUTY SERBUK CAMPURAN KURMA, MADU & LIMAU
KASTURI'**

17 Disember 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengingatkan dan menasihatkan orang awam agar tidak membeli atau menggunakan produk-produk tidak berdaftar yang dijual sebagai ubat tradisional dengan nama 'HW Beauty Serbuk Campuran Kurma, Madu & Limau Kasturi' (gambar produk sepertimana Lampiran A).

Ini susulan daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh Health Science Authority Singapore berkenaan kesan sampingan yang melibatkan produk tidak berdaftar 'HW Beauty Serbuk Campuran Kurma, Madu & Limau Kasturi' yang dikesan mengandungi racun berjadual iaitu steroids (Dexamethasone dan Prednisolone) dan anti-radang (Diclofenac).

Steroid dikategorikan sebagai ubat terkawal dan kerap disalah guna untuk tujuan membina otot badan. Penggunaan ubat steroid memerlukan preskripsi doktor bagi tujuan rawatan kerana penyalahgunaannya boleh merosakkan buah pinggang, ketidakseimbangan hormon serta terdedah kepada risiko penyakit kencing manis dan darah tinggi.

Penjualan produk tidak berdaftar adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Jualan Dadah 1952 yang mana jika sabit kesalahan, pihak yang berkaitan boleh didenda sehingga RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan pertama dan didenda sehingga RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan berikutnya.

Tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga, pengedar dan penyedia platform yang menjual produk tidak berdaftar adalah merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Johor untuk menjaga keselamatan awam dengan membanteras penjualan dan pengedaran ubat tidak sah di pasaran. Seiring dengan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia turut melaksanakan 2 kempen “TOLAK UBAT TIDAK SAH” (TOBaTS) yang dilancarkan pada tahun 2024 bagi meningkatkan pengetahuan orang awam mengenai risiko penggunaan produk kesihatan yang menyalahi undang-undang. Maklumat lanjut mengenai kempen TOBaTS boleh didapati di laman sesawang <https://pharmacy.moh.gov.my/tobats>.

Pihak peniaga, pengedar dan penyedia platform e-dagang diingatkan supaya bertanggungjawab memastikan hanya produk kesihatan yang berdaftar dengan nombor MAL dan mempunyai pelekat keselamatan hologram Farmatag yang sah sahaja dikendalikan. Orang awam juga dinasihatkan untuk menyemak status pendaftaran ubat atau produk kesihatan melalui laman sesawang NPRA <http://www.npra.gov.my> di ruangan “Product Search” sebelum membuat sebarang pembelian.

Orang awam digalakkan untuk menyalurkan aduan atau maklumat berhubung penjualan ubat atau produk kesihatan yang meragukan melalui mana-mana saluran berikut:

- Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat <http://moh.spab.gov.my>
- Talian hotline: 03-78413200
- Mana-mana Cawangan Penguatkuasaan Farmasi yang berdekatan

-TAMAT-

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Gambar Produk



Maklumat Tambahan

Jadual 1: Bilangan Iklan Perubatan yang Disaring oleh BPF KKM bagi tempoh 2021 hingga 30 September 2025.

Tahun	Media Cetak	Media Elektronik	Media Baharu	Jumlah
2021	9006	746	22,102	31,854
2022	7,823	541	F16,111	24,475
2023	9,015	366	18,542	27,923
2024	6,862	1,168	19,923	27,953
2025 (hingga 30 Sept 2025)	5,633	1,018	18,684	25,335

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM juga sentiasa bekerjasama bersama pihak berkepentingan, termasuk pengendali platform e-dagang, dalam melaksanakan langkah-langkah kawal selia dan penguatkuasaan terhadap pengiklanan dan penjualan produk kesihatan tidak berdaftar secara dalam talian.

Antara langkah kawal selia yang dilaksanakan adalah BPF, KKM akan mengeluarkan arahan notifikasi penurunan pautan URL iklan kepada platform e-dagang tempatan yang terlibat. Sekiranya penyiaran iklan tersebut berlaku di laman web atau platform media sosial yang berpangkalan di luar negara (seperti TikTok dan Facebook), tindakan penurunan pautan URL akan dilaksanakan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan agensi lain terlibat seperti GoDaddy, Google dan lain-lain.

Jadual 2: Bilangan URL yang dipohon sekatan dan dinotifikasi untuk diturunkan bagi tempoh 2021 hingga 30 September 2025

Tahun	Bil. URL yang dipohon sekatan (laman web, media sosial)	Bil. URL yang dinotifikasi untuk diturunkan
2021	1,291	13,630
2022	1,330	11,364
2023	2,664	13,361
2024	2,056	13,488
2025 (hingga 30 September)	1,958	11,287